



**TAHUN
PENGKOMERSIALAN
MALAYSIA 2017**



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Anugerah Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2017 Meraikan Produk Tempatan dengan Hadiah Keseluruhan sebanyak RM1 Juta

MOSTI menzahirkan penghargaan terhadap produk teknologi baharu tempatan

KUALA LUMPUR, 12 Disember, 2017 - Sempena Sidang Kemuncak MCY selama dua hari di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini meraikan sumbangan bakat-bakat tempatan kepada pertumbuhan ekonomi negara menjelang 2050 dengan Anugerah MCY 2017.

Anugerah MCY 2017 ini adalah salah satu sorotan utama sidang kemuncak ini. Ia bermatlamat untuk memberikan pengiktirafan dan insentif kepada produk dan teknologi-teknologi terbaik yang telah dihasilkan. Anugerah ini juga adalah untuk menggalakkan minat dalam pengkomersialan produk R&D negara.

Sehingga 31 November 2017, sebanyak 133 produk dan teknologi tempatan telah berjaya dikomersialkan. Pencalonan untuk anugerah-anugerah ini dibuka kepada semua 44 agensi yang menyumbang kepada KPI Khas MCY. Terdapat enam (6) kategori dengan nilai keseluruhan hadiah sebanyak RM1,000,000. Pecahan kategori, nilai anugerah, penyertaan, dan pengiktirafan adalah seperti berikut:

| No. | Kategori | Nilai Anugerah | Pengiktirafan |
|-----|--|----------------|----------------------------------|
| 1 | Anugerah Ulung MCY | RM 100,000 | Trofi MCY, cek, hamper dan sijil |
| 2 | Anugerah Urusniaga Komersil | RM 130,000 | Trofi MCY, cek, hamper dan sijil |
| 3 | Anugerah Penyelidikan dan Perkongsian Perniagaan | RM 130,000 | Trofi MCY, cek, hamper dan sijil |

| | | | |
|---|------------------------------|-------------------------------|----------------------------------|
| 4 | Anugerah Usahawan Penyelidik | RM 130,000 | Trofi MCY, cek, hamper dan sijil |
| 5 | Anugerah Inovator Baharu | RM 130,000 | Trofi MCY, cek, hamper dan sijil |
| 6 | Anugerah Usahawan Sosial | RM 130,000 | Trofi MCY, cek, hamper dan sijil |
| 7 | 5 Hadiah Sagu Hati | RM 50,000 (setiap seorang) | Trofi MCY, cek, hamper dan sijil |

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada Tahun Pengkomersialan Malaysia dan ia dilaksanakan menerusi pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bagi melonjakkan agenda Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) sebagai pemacu utama ke arah Transformasi Nasional 2050 (TN 50).

YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau dalam kenyataannya berkata, "Saya mengucapkan tahniah buat semua pemenang dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua agensi strategik di atas kerjasama dalam mencapai Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Kementerian kami akan terus memainkan peranan yang signifikan dalam memperkukuhkan persekitaran pengkomersialan di Malaysia.

"MCY adalah program perintis yang menjadi platform untuk dimanfaatkan secara bersama oleh pelbagai agensi kerajaan dan industri dalam usaha mereka untuk mengkomersialkan produk hasil daripada penyelidikan dan pembangunan.

"Persekitaran pengkomersialan ini terdiri daripada polisi, penyelidikan dan pembangunan, pilihan pelaburan dan campur tangan pengkomersialan. Ia boleh dicapai menerusi pendekatan bersinergi program MCY yang menggabungkan enam elemen iaitu, Kempen Promosi, Pusat Sehati, Program Pembinaan Kapasiti, Penglibatan Industri, Perkongsian KPI dan Perkhidmatan Maklumat," katanya.

- TAMAT -

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

**Anis Nasyreen | 014-246 5142 | anis.nasyreen@ioli.com.my
Zulaikha Shawaludin | 017-224 0750 | zulaikha.shawaludin@ioli.com.my**

IOLI COMMUNICATIONS SDN BHD

Tentang Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY)

YAB Perdana Menteri mengumumkan 2016 sebagai Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY 2016) sewaktu membentangkan Belanjawan 2016. Matlamat utamanya adalah untuk menggalakkan penyelidikan, pembangunan, dan inovasi (R, D & I) institusi penyelidikan tempatan serta menjana keuntungan menerusi proses pengkomersialan. MCY juga merupakan satu platform untuk meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan dan orang ramai tentang kepentingan dan potensi inovasi serta pengkomersialan dalam meningkatkan pendapatan negara.

Tahun Pengkomersialan Malaysia 2017 berfungsi untuk menyokong pelbagai organisasi dalam pengkomersialan harta intelek mereka menjadi produk yang bersedia untuk dipasarkan. Program ini akan membantu produk penyelidikan dan pembangunan untuk bersaing dengan pasaran antarabangsa agar idea-idea inovatif mampu diangkat secara komersial melangkaui fasa pempatenan mereka.